# JUZU I

1 Dimulai Al Fatihah

2 Diakhiri Al Baqarah

## Keistimewaan surah tersebut

**Al Fatihah** → Puji pujian kepada Allah

→ Mengakui kelemahan hamba yang sangat bergantung kepada Allah

Ummul Quran: Ibu Al quran
Sab'ul Mathaani: 7 ayat yang diulang(dalam solat)

Menjadi ruqyah dan penyembuh (kisah Abu Sa'id al-Khudri R.A)

## Jenis surah

Surah Al Fatihah (Makkiyyah)
Surah Al Baqarah (Madaniyyah)

**Al Baqarah**

Menceritakan kisah Bani Israel yang berdolak dalih ketika didatangkan suruhan untuk menyembelih seekor lembu betina

## Doa yg terdapat dalam juzu' tersebut.

رَبَّنَا وَاجْعَلْنَا مُسْلِمَيْنِ لَكَ وَمِنْ ذُرِّيَّتِنَا أُمَّةً مُسْلِمَةً لَكَ وَأَرِنَا مَنَاسِكَنَا وَتُبْ عَلَيْنَا ۖ إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ

"Ya Tuhan kami jadikanlah kami orang yang Berserah diri kepada-Mu dan anak cucu kami (juga) umat yang berserah diri kepada-Mu dan tunjukkanlah kepada kami cara-cara melakukan ibadah (haji) kami, dan terimalah Taubat kami sungguh Engkau Allah yang Maha Penerima Taubat, Maha Penyayang."

THORIQXI BERPUASA

"PERKASA DAKWAH, SANTUNI UMMAH, DEMI MENGGGAPAI JANNAH"

# JUZU 2

## Jenis surah

Surah Al Baqarah (Madaniyyah)

## Ciri-ciri

1. Hanya satu surah yang tidak penuh.
2. Tidak memiliki awal dan akhir surah, kerana ia berada ditengah-tengah surah.
3. Juz yang jumlah ayatnya paling sedikit, iaitu sebanyak 111 ayat.
4. Allah menjelaskan bahawa perkahwinan umat islam antara musyrikin lelaki dan wanita adalah dilarang.
5. Menjelaskan bahawa kanak-kanak boleh disusukan oleh ibunya bagi tempoh maksimum 2 tahun.

## Doa dalam juz' 2

**( Doa ditimpa musibah)**

إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ

"Sesungguhnya kami milik Allah dan kepadaNya lah kami kembali"
(Al-Baqarah : 156)

## Keistimewaan

**Kisah pertukaran kiblat**

Pada bulan sya'ban tahun ke-2 hijrah telah berlaku peristiwa besar dalam sejarah umat islam iaitu pertukaran kiblat dari masjidil aqsa ke masjidil haram.

Ia adalah ekoran peristiwa yang terjadi ketika Baginda SAW berada di Madinah dan ramai orang Yahudi yang tinggal di sana memperlekehkan agama Islam kerana menggunakan kiblat dan arah yang sama dengan orang Yahudi.

**Pensyariatan ibadah puasa di bulan Ramadhan.**

Difardhukan pada bulan Syaaban tahun ke-2 hijrah.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

"Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang-orang sebelum daripada kamu, supaya kamu bertakwa." (Al-Baqarah : 183)

Melalui ayat ini jelas menyatakan bahawa ibadat puasa itu bukanlah suatu amalan yang baru bahkan ia telah difardukan kepada umat-umat terdahulu dan menjadi rutin ibadat mereka.

Ayat ini juga memberi maksud bahawa kewajipan berpuasa adalah untuk melahirkan generasi yang bertakwa kepada Allah S.W.T

# JUZU 3

## Jenis surah

Surah Al Baqarah (Madaniyyah)
Surah Al Imran (Madaniyyah)

| Dimulai | Diakhiri |
|---|---|
| سورة البقرة | سورة العمران |
| *ayat 253* | *ayat 91* |

## Tahukah anda?

Kita perlu selalu membaca surah Al-Baqarah untuk pelihara rumah kita.

## Keistimewaan

1. Surah Al-Baqarah merupakan surah terpanjang di dalam alquran
2. Sarat dengan penceritaan dan hukum hakam yang ditetapkan Allah kepada umat manusia.
3. Terdapat ayatul kursi
   Ayat yang sangat istimewa bagi umat islam yang menjelaskan keesaan Allah swt. Berdasarkan hadis-hadis yang sahih, terdapat banyak fadhilat tentang membacanya di dalam kehidupan seharian sehinggakan Imam Hasan Al-Banna menyusun di dalam almathurat sebagai doa dan pendinding bagi kita umat islam dengan izin Allah.

## Doa dalam juz 3

### Doa ditetapkan iman

رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوْبَنَا بَعْدَ اِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ
لَّدُنْكَ رَحْمَةً ۚ اِنَّكَ اَنْتَ الْوَهَّابُ

"Ya Tuhan kami, janganlah Engkau condongkan hati kami kepada kesesatan setelah Engkau berikan petunjuk kepada kami, dan karuniakanlah kepada kami rahmat dari sisi-Mu, sesungguhnya Engkau Maha Pemberi."
(QS:3:8)

### Doa ampuni dosa

رَبَّنَآ اِنَّنَآ اٰمَنَّا فَاغْفِرْ لَنَا ذُنُوْبَنَا وَقِنَا عَذَابَ النَّارِۚ

"Ya Tuhan kami, kami benar-benar beriman, maka ampunilah dosa-dosa kami dan lindungilah kami dari azab neraka."
(QS:3:16)

THORIQXI BERPUASA

"PERKASA DAKWAH, SANTUNI UMMAH, DEMI MENGGGAPAI JANNAH"

# JUZU 4

## Jenis surah

Surah Ali Imran (Madaniyyah)
Surah An Nisa' (Madaniyyah)

## Intipati juzuk 4

1. Hukum **memakan harta anak yatim**
2. Kewajipan **menjaga harta anak yatim**
3. **Kebenaran mengambil harta** anak yatim dalam keadaan tertentu
4. Pembahagian **harta pusaka** mengikut hukum faraid
5. **Hukum wanita** yang melakukan perbuatan keji
6. Mengenai lelaki yang ingin mengambil kembali **mas kahwin** yang telah diberikan (selepas bercerai).
7. Mengenai **12 golongan** yang haram dikahwini

## Keistimewaan Surah Al-Imran

Imam Ibnu Kathir berkata,

"Surah ini mempunyai kelebihan yang disekalikan dengan surah al-Baqarah seperti sabda Rasulullah ﷺ: 'Hendaklah kamu mempelajari surah al-Baqarah dan ali-Imran kerana kedua-duanya ibarat dua zahrawani yang memayungi pembacanya pada Hari Kiamat atau kedua-duanya seolah-olah awan yang memayunginya.'"

Sebahagian ulama menafsirkan maksud al-Zahrawani dengan dua cahaya.

## Pengajaran juzuk 4

Buat para daie, jangan kecewa dan putus asa apabila dakwah ditolak. Kerana hakikatya, para rasul dan nabi terdahulu telah melalui ujian yang begitu dahsyat sebelum dakwah mereka diterima. Teruskan berdakwah!

## DOA

رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَإِسْرَافَنَا فِي أَمْرِنَا وَثَبِّتْ أَقْدَامَنَا وَانْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ

"Ya Tuhan kami, ampunilah dosa-dosa kami dan tindakan-tindakan kami yang berlebih-lebihan dalam urusan kami dan tetapkanlah pendirian kami, dan tolonglah kami terhadap kaum yang kafir".
(Ali-Imran:147)

THORIQXI BERPUASA

"PERKASA DAKWAH, SANTUNI UMMAH, DEMI MENGGGAPAI JANNAH"

# JUZU 5

## Jenis surah

Surah An Nisa' (Madaniyyah)
ayat 24-147

## Ciri Surah An Nisa'

1. Surah Madaniyyah
2. Surah ke-4 dalam al-Quran
3. Disebut dengan gelaran surah An-Nisa' Al-Kubra
4. Antara 7 surah terpanjang dalam al-Quran

## Cara Rasulullah SAW menegur wanita

1. Menegur kesalahannya, bukan peribadinya.
2. Mengajarkannya apa yang sepatutnya dibuat.
3. Menggunakan bahasa yang lembut.

## Keistimewaan Surah

1. Dinamakan dengan an-Nisa' kerana di dalamnya terdapat banyak hukum-hukum yang berkaitan dengan perempuan.
2. Mengandungi 5 ayat yang lebih disukai daripada dunia dan seisinya.
3. Surah yang dibaca Nabi Muhammad ketika solat malam.
4. Surah yang membuatkan Rasulullah SAW menangis.

## DOA

**Doa Agar Selamat Daripada Golongan Yang Zalim**

رَبَّنَآ أَخْرِجْنَا مِنْ هَٰذِهِ ٱلْقَرْيَةِ ٱلظَّالِمِ أَهْلُهَا وَٱجْعَل لَّنَا مِن لَّدُنكَ وَلِيًّا وَٱجْعَل لَّنَا مِن لَّدُنكَ نَصِيرًا

"Wahai Tuhan kami! Keluarkanlah kami dari negeri (Makkah) ini, yang penduduknya (kaum kafir musyrik) yang zalim, dan jadikanlah bagi kami dari pihakMu seorang pemimpin yang mengawal (keselamatan agama kami), dan jadikanlah bagi kami dari pihakMu seorang pemimpin yang membela kami (dari ancaman musuh)".
(An-Nisaa' 4: 75)

THORIQXI BERPUASA

"PERKASA DAKWAH, SANTUNI UMMAH, DEMI MENGGGAPAI JANNAH"

# JUZU 6

## Jenis surah

Surah An-Nisa' (Madaniyyah)
Surah Al-Maidah (Madaniyyah)

## Pengajaran

Ia lebih kepada menyuruh kita menjaga lisan kita. Allah menyebut,

لَا يُحِبُّ اللَّهُ الْجَهْرَ بِالسُّوءِ مِنَ الْقَوْلِ

"Allah tidak suka kepada perkataan-perkataan buruk yang dikatakan dengan berterus-terang (untuk mendedahkan keburukan orang).."

Dalam ayat ini sangat jelas memberitahu kita bahawa Allah sangat tak suka dengan perkataan-perkataan buruk yang diucapkan dengan terus terang. Perkataan-perkataan buruk tu termasuklah membuka aib orang, mencela orang, memaki hamun, menceritakan keburukan orang lain di khalayak ramai, mengumpat, menyinggung perasaan orang lain dan seumpamanya. Sebab itu, jangan kita buka cerita tentang dosa-dosa yang dilakukan oleh orang lain, jangan mengumpat tentang mereka, jangan cari kesalahan mereka dan sebarkan dalam media sosial seperti Facebook atau sebagainya. Jangan teman, serius.

## Isi Kandungan

1. Hukum hakam berkaitan wuduk
2. Keringanan bertayamum ketika dalam kesulitan
3. Hukum hakam berkaitan makanan
4. Kisah tauladan
   - Kisah Nabi Musa AS dan kaumnya
   - Kisah Habil & Qabil
5. Kewajipan memenuhi janji dan tidak menjadi golongan yang munafik
6. Ciri golongan munafik
   - Memungkiri janji
   - Mengkhianati amanah
   - Menipu bila berbicara

## Ayat Pilihan

لَا يُحِبُّ اللَّهُ الْجَهْرَ بِالسُّوءِ مِنَ الْقَوْلِ إِلَّا مَنْ ظُلِمَ ۚ وَكَانَ اللَّهُ سَمِيعًا عَلِيمًا

"Allah tidak suka kepada perkataan-perkataan buruk yang dikatakan dengan berterus-terang (untuk mendedahkan kejahatan orang); kecuali oleh orang yang dizalimi. Dan (ingatlah) Allah sentiasa Mendengar, lagi Maha Mengetahui."
(Surah an-Nisa' 4:148)

THORIQXI BERPUASA

"PERKASA DAKWAH, SANTUNI UMMAH, DEMI MENGGGAPAI JANNAH"

# JUZU 7

## Jenis surah

Surah Al Maidah (Madaniyyah)
Surah Al An'aam (Makkiyyah)

| Dimulai | Diakhiri |
|---|---|
| سورة المائدة | سورة الأنعام |
| *ayat 83* | *ayat 110* |

## Latar Belakang Surah Al-An'aam

1. Surah Makiyyah yang bertemakan akidah.
2. Surah yang menceritakan secara komprehensif mengenai akidah orang kafir quraisy
3. Ayat 136 menerangkan bagaimana datangnya surah al-An'am (kepercayaan khurafat quraisy)
4. Mengandungi ayat yang memberi motivasi kepada nabi Muhammad S.A.W ketika berhadapan dengan serangan & tentangan orang kafir quraisy dan supaya nabi terus istiqamah menyampaikan dakwah.

## Keistimewaan Surah Al-An'aam

1. Terdapat bahagian daripada doa iftitah. (Al-An'aam:79)
2. Pembuktian bahawa tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah.
   - Menceritakan kisah nabi Ibrahim yang mencari kebenaran tentang tuhan dalam Surah al- An'am ayat 74-79 .
3. Turun sekaligus pada 1 malam
   - Ath-Thabrani meriwayatkan dari Ibnu 'Abbas, ia berkata: "Surah al-An'am diturunkan di Makkah pada malam hari secara keseluruhan dalam satu waktu, dengan dikelilingi 70 000 malaikat seraya mengumandangkan tasbih."
   
   - Tafsir Ibnu Kathir, Pengenalan Surah Al An'aam-

## Doa Nabi Isa mohon rezeki

اللَّهُمَّ رَبَّنَا أَنزِلْ عَلَيْنَا مَآئِدَةً مِّنَ السَّمَاءِ تَكُونُ لَنَا عِيداً لِّأَوَّلِنَا وَآخِرِنَا وَآيَةً مِّنكَ وَارْزُقْنَا وَأَنتَ خَيْرُ الرَّازِقِينَ

Ya Allah, Tuhan kami! Turunkanlah kiranya kepada kami satu hidangan dari langit, untuk menjadi hari raya bagi kami, iaitu bagi kami yang ada hari ini dan bagi orang-orang kami yang datang kemudian, dan sebagai satu tanda (mukjizat) daripadamu (yang menunjukkan kebesaran dan kekuasaanMu); dan kurniakanlah rezeki kepada kami, kerana Engkau jualah sebaik-baik Pemberi rezeki".
(al-Maidah : 114)

THORIQXI BERPUASA

"PERKASA DAKWAH, SANTUNI UMMAH, DEMI MENGGGAPAI JANNAH"

# JUZU 8

## Jenis surah

Surah Al An'aam (Makkiyyah)
Surah Al A'raf (Makkiyyah)

## Isi kandungan Surah Al-A'raf

Kebanyakan isi surah Al-A'raf berkisarkan tentang kehidupan akhirat.

Manusia akan ditanya pada hari kiamat kelak sama ada mereka telah mengikuti ajaran para Nabi, serta para Nabi juga akan ditanya adakah mereka telah menyampaikan risalah tersebut dan bagaimanakah akhlak kaum mereka.

Setiap manusia pasti akan melalui neraca al-Mizan (timbangan) untuk mengukur sejauh mana berat timbangan amalnya.

Allah menarik perhatian manusia bahawa orang yang menolak kebenaran seperti risalah kenabian dan hari kiamat adalah suatu amalan syaitan.

## Pengajaran Surah Al-An'aam

1. **Jangan** sesekali menyekutukan atau menduakan Allah dengan sesuatu yang lain.
2. **Berbuat baik** kepada kedua ibu bapa.
3. **Jangan** membunuh anak kerana takutkan kefakiran atau kemiskinan, kerana pastinya Allah akan memberikan kecukupan kepada seluruh manusia.
4. **Saranan** untuk menghindari daripada pergaulan bebas (yang menghampiri kepada zina) dan menjauhi daripada akhlak yang buruk.
5. **Jangan** sesekali mengambil nyawa seseorang manusia tanpa hak.
6. **Berlaku adil** ketika melakukan timbangan atau sukatan (dalam berjual beli).
7. **Sentiasa** bercakap benar dan berlaku adil **walaupun** ianya boleh menimbulkan kesan negatif kepada masyarakat.
8. **Berpegang** kepada janji Allah dan janji manusia.

## Doa Nabi Adam memohon keampunan

قَالَا رَبَّنَا ظَلَمْنَآ اَنْفُسَنَا وَاِنْ لَّمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُوْنَنَّ مِنَ الْخٰسِرِيْنَ

"Ya Tuhan kami, kami telah menzalimi diri kami sendiri. Jika Engkau tidak mengampuni kami dan memberi rahmat kepada kami, niscaya kami termasuk orang-orang yang rugi.
(Al-A'raf:23)

THORIQXI BERPUASA

"PERKASA DAKWAH, SANTUNI UMMAH, DEMI MENGGGAPAI JANNAH"

# JUZU 9

## Jenis surah

Surah Al A'raf (Makkiyyah)
Surah Al Anfal (Madaniyyah)

## Surah Al-Anfal (1-40)

1. Surah al-Anfal merupakan surah yang menceritakan tentang harta rampasan perang dan diturunkan selepas perang badar
2. Menceritakan dengan terperinci mengenai perang badar.
3. Didalam surah ini Allah mengingatkan bahawa niat berperang adalah kerana Allah s.w.t dan RasulNya dan bukan kerana harta rampasan perang dan habuan dunia.

## Surah Al-A'raf (88-206)

1. Surah Madaniyyah yang terpanjang dalam al-quran
2. Surah Al A'raf sarat dengan cerita mengenai ujian yang diterima oleh para nabi terdahulu (ditentang oleh kaum masing-masing) utk memberi semangat dan kekuatan kepada baginda bagi meneruskan dakwah
3. Surah al-a'raf dalam juzuk 9 dimulakan dengan sambungan kisah kaum nabi Syuaib yang dimusnahkan oleh Allah.

## Sinopsis Juzu 9

Permulaan juzu ini menerangkan kisah/sirah nabi-nabi terdahulu dan kewajipan kita sebagai orang mukmin untuk mengambil iktibar daripada kisah para nabi. Kemudian Allah menerangkan kewajipan manusia untuk mentauhidkan Allah dan Allah menyuruh kita untuk berakhlak dengan akhlak mulia serta sentiasa mengingati Allah dalam apa jua keadaan agar hati kita sentiasa tenang.Kemudian di dalam surah Al-Anfal Allah menerangkan sifat-sifat orang mukmin dan di akhir juzuk ini Allah menjelaskan permusuhan kaum musyrikin terhadap nabi dan kewajipan memerangi mereka sampai terpelihara agama Allah. Allah juga menjelaskan bahawa Dia lah yang berkuasa memberikan pertolongan dan kemenangan kepada orang islam.

## Doa memohon Keadilan

رَبَّنَا افْتَحْ بَيْنَنَا وَبَيْنَ قَوْمِنَا بِالْحَقِّ وَأَنْتَ خَيْرُ الْفَاتِحِينَ

"Ya Tuhan kami, berilah keputusan antara kami dan kaum kami dengan hak (adil). Engkaulah pemberi keputusan terbaik."(QS:7:89)

THORIQXI BERPUASA

"PERKASA DAKWAH, SANTUNI UMMAH, DEMI MENGGGAPAI JANNAH"

# JUZU 10

## Jenis surah

| Surah Al Anfal (41-75) | Surah At-Taubah (1-93) |
| --- | --- |
| Madaniyyah | Madaniyyah |

## Sudut Khas

Bolehkah membaca **basmalah** ketika membaca surah at-taubah?

Lafaz Basmalah ketika hendak memulakan surah at-Taubah adalah tidak dituntut oleh syarak kerana tidak ditulis padanya di dalam al-Quran. Selain itu, sebab diturunkan surah ini bertujuan untuk peperangan dan lafaz Basmalah merupakan lafaz rahmah. Oleh itu, tidak sepatutnya dihimpunkan kedua-dua di dalam satu masa yang sama.

Justeru sebaiknya kita disarankan membaca lafaz Ta'awuz pada permulaan bacaan surah al-Taubah sebagaimana firman Allah dalam surah an-nahlu :98.

(Sumber: Website Mufti Wilayah Persekutuan)

## Intipati juzuk 10

1. Kupasan ayat melalui juzuk 10 hari ini menumpukan perbincangan sekitar sikap suka beralasan yang boleh menyebabkan banyak permasalahan. Sikap bertangguh dan suka memberi alasan ini termasuk dalam 'afat atau wabak merbahaya kerana ia boleh memberi kesan negatif kepada sesuatu agenda yang bakal dilaksanakan. Allah S.W.T telah memaparkan kisah golongan yang mencipta alasan ketika perang Tabuk termasuklah seorang Sahabat Nabi yang turut memberi alasan untuk tidak pergi berperang sebagaimana melalui firman-Nya: (attaubah :49)
2. Surah at taubah merupakan satu-satunya surah yang tiada basmalah pada permulaan ayat.
3. Juzu ini menceritakan tentang peperangan yang mengajar para pejuang agama supaya tidak mudah mengalah dalam apa-apa perjuangan.

## Ayat Pilihan

انفروا خفافا وثقالا وجاهدوا بأموالكم وأنفسكم في سبيل الله ذلكم خير لكم إن كنتم تعلمون

"Berangkatlah kamu sama ada dengan keadaan ringan ataupun dengan keadaan berat (disebabkan berbagai-bagai tanggungjawab); dan berjihadlah dengan harta benda dan jiwa kamu pada jalan Allah (untuk membela Islam). Yang demikian amatlah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui."
(Surah At Taubah [9]:41)

THORIQXI BERPUASA

"PERKASA DAKWAH, SANTUNI UMMAH, DEMI MENGGGAPAI JANNAH"

# JUZU 11

## Jenis surah

Surah at-Taubah(Madaniyyah)
Surah Yunus(Makiyyah)
Surah Hud(Makiyyah)

## Isi Kandungan Surah Yunus

1. Menjelaskan tentang keimanan kepada al-Quran sebagai kalamullah bukannya sihir.
2. Menjelaskan bahawa Allah adalah Tuhan yang Esa, Tuhan pencipta dan pengatur seluruh alam semesta.
3. Mejelaskan tentang penentuan tahun dan waktu sama ada berdasarkan peredaran bumi atau bulan.
4. Menjelaskan akibat orang-orang yang mendustakan firman Allah yang telah diwahyukan kepada Rasul-Nya.
5. Peringatan kepada manusia agar selalu ingat bahawa segala kenikmatan yang dianugerahkan oleh Allah kepadanya ketika senang/susah, akan mendapat balasan di Hari Akhirat nanti.
6. Menceritakan kisah-kisah umat terdahulu sebagai pengajaran kepada semua.

Antaranya:

- Kisah **Nabi Musa as** dengan segala permasalahan Bani Israel & perlawanannya dengan Firaun serta tukang sihirnya
- Kisah **Nabi Nuh as** & umatnya dengan bahtera.
- Kisah **Nabi Yunus as** yang meninggalkan umatnya lalu kembali lagi berdakwah kepada umatnya

## Pengajaran Juzu 11

1. Rasulullah SAW telah melarang umat Islam untuk solat di Masjid Dhirar kerana niat jahat orang yang telah membina masjid tersebut.
2. Nabi dan orang yang beriman dilarang daripada memohon ampun bagi orang-orang bukan Islam.
3. Orang yang telah berjual beli dengan Allah SWT dengan diri dan harta benda mereka di jalan Allah akan diberikan ganjaran syurga oleh Allah.

## Doa dijauhkan dari Fitnah

رَبَّنَا لَا تَجْعَلْنَا فِتْنَةً لِّلْقَوْمِ الظَّالِمِينَ. وَنَجِّنَا بِرَحْمَتِكَ مِنَ الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ

Tuhan kami. janganlah Engkau jadikan kami fitnah bagi kaum yang zalim, dan selamatkanlah kami dengan rahmatMu dari orang-orang yang kafir. (Surah Yunus: 85-86)

THORIQXI BERPUASA

"PERKASA DAKWAH, SANTUNI UMMAH, DEMI MENGGGAPAI JANNAH"

# JUZU 12

## Jenis surah

Surah Hud (Makiyyah)
Surah Yusuf (Makiyyah)

## Doa dalam Juzu 12

### Doa Nabi Yaakob

أَشْكُو بَثِّي وَحُزْنِي إِلَى اللَّهِ وَأَعْلَمُ مِنَ اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ

"Hanya kepada Allah aku mengadukan kesusahan dan kesedihanku. Dan aku mengetahui dari Allah apa yang tidak kamu ketahui". (QS Yusuf, 86)

### Doa Nabi Yusuf

فَاطِرَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ أَنْتَ وَلِيِّي فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ تَوَفَّنِي مُسْلِمًا وَأَلْحِقْنِي بِالصَّالِحِينَ

"Wahai Tuhan, Pencipta langit dan bumi, Engkaulah pelindungku di dunia dan akhirat, wafatkanlah aku dalam keadaan muslim dan gabungkanlah aku dengan orang-orang soleh" (QS Yusuf 101)

### Doa Nabi Hud

إِنِّي تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ رَبِّي وَرَبِّكُمْ مَا مِنْ دَابَّةٍ إِلَّا هُوَ آخِذٌ بِنَاصِيَتِهَا إِنَّ رَبِّي عَلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ

"Sesungguhnya aku bertawakal kepada Allah Tuhanku Tuhanmu. Tidak satupun makhluk bergerak yang bernyawa melainkan Dialah yang memegang ubun-ubunnya (menguasainya). Sungguh, Tuhanku di jalan yang lurus" (QS Hud, 56)

### Doa Nabi Nuh

رَبِّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ أَنْ أَسْأَلَكَ مَا لَيْسَ لِي بِهِ عِلْمٌ وَإِلَّا تَغْفِرْ لِي وَتَرْحَمْنِي أَكُنْ مِنَ الْخَاسِرِينَ

"Ya Tuhanku, sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu untuk memohon kepada -Mu sesuatu yang aku tidak mengetahui (hakikatnya). Kalau Engkau tidak mengampuniku, niscaya aku termasuk orang yang merugi" (QS Hud, 47)

## Pengajaran Juzu 12

Ke-dua2 surah membicarakan tentang solusi kehidupan iaitu dengan bersabar dengan setiap ujian yg diberikan dan bergantung harap kpd Allah SWT.

## Keistimewaan Surah Hud (6-123)

1. Dinamakan surah Hud kerana terdapat 5 kali pengulangan perkataan "Hud".
2. Allah SWT menyebut mengenai kepentingan beribadah kepadaNya di permulaan surah (Ayat 2) dan juga dibahagian akhir surah (ayat 123).
3. Rasulullah SAW meninggalkan wasiatnya melalui firman Allah SWT, iaitu
   - Istiqamah
   - Tidak melampaui batas
   - Sentiasa menjaga solat
   - Sabar

## Keistimewaan Surah Yusuf (1-52)

1. Dinamakan surah Yusuf kerana keseluruhan kisah yang terdapat dalam surah ini adalah mengenai kisah Nabi Yusuf AS.
2. Kisah Nabi Yusuf tidak berulang dalam surah2 lain.
3. Allah sebutkan kisah Yusuf sebagai kisah yg terbaik.
4. Di penghujung surah, Allah merakamkan bahawa terdapat pengajaran yg dapat diperoleh drpd kisah yg diceritakan bagi mereka yg sentiasa berfikir

THORIQXI BERPUASA

"PERKASA DAKWAH, SANTUNI UMMAH, DEMI MENGGGAPAI JANNAH"

# JUZU 13

## Jenis surah

Surah Yusuf (Makkiyyah)
Surah Ar Ra'd (Makkiyyah)
Surah Ibrahim (Makkiyyah)

## Sinopsis Surah Yusuf

1. Menyambung kisah Nabi Yusuf yg menceritakan tentang pelantikan Nabi sebagai **bendahara negara Mesir** atau **perdana menteri.**
2. Dalam masa inilah **saudara2 Nabi** yang pernah menganiaya baginda datang ke Mesir untuk meminta bantuan kerana pada waktu itu Palestin ditimpa kebuluran
3. Mereka tidak mengenali baginda tetapi Nabi mengenali mereka dan **memilih untuk menyembunyikan** perkara tersebut.
4. Mereka diberikan bantuan dan dengan **kebijaksanaan** Nabi Yusuf Allah mengizinkan Nabi untuk bertemu kembali dengan Nabi Yaakub as.
5. Dalam pertemuan yang menggembirakan itu Nabi Yusuf diberikan penghormatan oleh kedua2 **ibu bapa baginda** & **11 orang saudaranya**. Peristiwa ini sama seperti mimpi yang pernah baginda alami suatu ketika dahulu.

## Intipati Surah Ar-Ra'd

1. Bermaksud guruh
2. Menegaskan tentang kebenaran Al Quran & menjelaskan i'tiqad kepercayaan berdasarkan **tauhid**.
3. Setiap manusia sentiasa diawasi dan dijaga oleh malaikat yang bergilir siang dan malam, **selain** daripada malaikat "Kiraaman Kaatibiin" yang menulis amal perbuatan baik dan jahat.
4. **Sunnatullah** yang berlaku ke atas makhluk bahawa Allah tidak akan mengubah keadaan suatu kaum sehingga mereka mengubah keadaan mereka sendiri.
5. Surah ini disudahi dengan penegasan bahawa sikap orang2 kafir yg tidak mahu mengakui kerasulan Baginda Nabi **tidaklah menjadi hal** kerana cukuplah Allah Ta'ala menjadi saksi yang membenarkan kerasulan baginda sebagaimana yang disebutkan di dalam Al Quran dan Kitab Taurat & Injil, serta diakui oleh orang2 jujur yang yang mengetahui isi kandungan Kitab2 Allah ini

## Keistimewaan Surah Ibrahim

1. Dinamakan 'Ibrahim' kerana terdapat kisah Nabi Ibrahim mulai ayat 35
2. Rumusan agenda perjuangan & dakwah Nabi Musa.
3. Gambaran Mahsyar & neraka yg menggerunkan.
4. Mengandungi kisah perjuangan para Rasul
5. Rakaman ucapan iblis di padang mahsyar.

## Doa

رَبِّ ٱجْعَلْنِى مُقِيمَ ٱلصَّلَوٰةِ وَمِن ذُرِّيَّتِى ۚ رَبَّنَا وَتَقَبَّلْ دُعَآءِ

"Wahai Tuhanku! Jadikanlah daku orang yang mendirikan sembahyang dan demikianlah juga zuriat keturunanku. Wahai Tuhan kami, perkenankanlah doa permohonanku. (Ibrahim:40)

THORIQXI BERPUASA

"PERKASA DAKWAH, SANTUNI UMMAH, DEMI MENGGGAPAI JANNAH"

# JUZU 14

## Jenis surah

| Surah Al Hijr (1-99) | Surah An-Nahl (1-128) |
|---|---|
| Makiyyah | Makiyyah |

## Intipati Surah Al-Hijr

1. Dinamakan Al-Hijr (batu) bersempena dengan kisah kaum Nabi Soleh iaitu Thamud yang mana mereka dikenali dengan kemahiran mengukir batu2 bukit untuk dijadikan rumah.
   - Kisah mereka disebutkan pada ayat ke 80.
   - Kini tinggalan kaum Thamud masih wujud & dikenali sebagai Madain Soleh yang terletak di Arab Saudi.
2. **Tema surah** perlindungan & penjagaan Allah terhadap agamanya
   Dibicarakan daripada awal surah - akhir surah.
3. **Ayat 9**: Disebutkan tentang perlindungan Allah terhadap kitab Nya iaitu Al-Quran.
4. Surah ini **bermula** dengan
   - Allah mengkhabarkan bahawa Dialah yang menjaga & melindungi kitabNya (Al-Quran)
   - Menceritakan tentang apa yang berlaku kepada para anbiya sebelum Nabi Muhammad sebagai pengubat hati baginda
5. **Kisah Nabi Ibrahim:** Perkataan (berita gembira) diulang-ulang sedangkan ujian hidup baginda amatlah berat. Ini mengisyaratkan bahawa pada kesusahan pasti akan ada kesenangan.
6. **Kisah Nabi Luth:** Menjelaskan tentang kesan bergelumang dengan hawa nafsu terhadap kerosakan akhlak & kehilangan perasaan malu.

Pada akhir Surah Al-Hijr terdapat **penawar** bagi **kegelisahan dan kesusahan hati** iaitu dengan **memperbanyakkan bertasbih dan beribadah.**

## Intipati Surah An-Nahl

1. Surah Al-Nahl ini turut dinamakan surah al-ni'ām (nikmat nikmat) kerana banyaknya disebutkan nikmat nikmat Allah dalam surah ini, agar kita memperbanyak syukur kepada Allah.
2. **Nikmat:** Boleh dirasai oleh panca indera seperti kesenangan, pakaian & dll tetapi surah ini telah mengisyaratkan kepada kita 1 nikmat yang paling besar iaitu nikmat penurunan Al-Quran.
   disebutkan sebanyak 3x di dalam surah ini.
3. **Ayat 28-29:** Kisah mengenai Allah memberi madu kepada lebah setelah lebah mengikuti semua arahan yang Allah tetapkan kepadanya seperti membuat sarang digunung, pokok dan bangunan.
   - Ibrahnya kepada manusia, bahawa Allah pasti akan mengurniakan kebaikan kepada orang2 yang mengikuti suruhan Allah SWT.
4. Pada penutup surah ini terdapat galakan kepada pendakwah untuk berdakwah dengan hikmah dan mau 'izah hasanah (peringatan yang baik), **berdebat dengan cara yang lebih baik** dan kemudian **bersabar dengan segala ujian** yang dihadapi.

## Galakan mengingati Allah ketika kesedihan

وَلَقَدْ نَعْلَمُ أَنَّكَ يَضِيقُ صَدْرُكَ بِمَا يَقُولُونَ • فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ وَكُن مِّنَ السَّاجِدِينَ

"Dan demi sesungguhnya Kami mengetahui, bahawa engkau bersusah hati dengan sebab apa yang mereka katakan. Oleh itu, bertasbihlah engkau dengan memuji Tuhanmu, serta jadilah dari orang-orang yang sujud " (al-hijr: 97 & 98)

THORIQXI BERPUASA

"PERKASA DAKWAH, SANTUNI UMMAH, DEMI MENGGGAPAI JANNAH"

# JUZU 15

## Jenis surah

Surah Al-Isra' (1-111) Makiyyah | Surah Al-Kahfi (1-74) Makiyyah

## Intipati Surah Al-Isra'

1. Surah al-Isra' (berjalan malam) ini dinamakan selepas peristiwa ajaib berlaku di mana Rasulullah SAW mengembara dari Masjid al-Haram ke Masjid al-Aqsa sehingga Sidratul Muntaha dalam 1 malam yg disebutkan dlm permulaan ayat surah ini.
2. Surah ini dimulai dengan mengagungkan Allah & berakhir dengan memuji-Nya.
3. Terdapat kisah tentang bani israel dan **hubungannya** dengan Masjidil Aqsa.
4. **Gambaran** kepada kitab suci Taurat.
5. Dikisahkan penyelesaian tentang aspek tingkah laku individu dan masyarakat seperti:

LARANGAN
- berbuat zina/mendekatinya.
- membunuh tanpa sebab
- berbuat zalim terhadap anak yatim.
- mengikuti sesuatu tanpa ilmu.
- berlaku sombong & angkuh.
- melakukan pembaziran

6. Membicarakan tentang:-

- Mengukuhkan akidah islam
- Menghormati kedua orang tua
- Galakan hidup bersederhana
- Cara hidup yg mengikut aturan islam.
- Kenabian
- Menjawab sangkaan yg tidak baik terhadap islam

## Intipati Surah Al-Kahfi

1. Surah al-Kahfi (gua), dinamakan selepas peristiwa Ashabul Kahfi yang telah disebut dalam ayat 9-26.
2. **Dimulakan** dengan tahmid & bertemakan pengukuhan kepercayaan kepada Allah.
3. Menekankan mengenai penyingkiran kepercayaan yang menyimpang & kepercayaan karut.
4. Menceritakan kisah2 yang hebat seperti:-
   - Ashabul Kahfi
   - Pemilik kebun
   - Nabi Musa & Nabi Khidir
   - Dzulkarnain(disebut pada awal juzu 16)

## Keistimewaan Surah Al-Kahfi

Dari Abu Sa'id al-Khudri RA bahawa Nabi SAW bersabda:

مَنْ قَرَأَ سُورَةَ الْكَهْفِ لَيْلَةَ الْجُمُعَةِ أَضَاءَ لَهُ مِنَ النُّورِ
فِيمَا بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْبَيْتِ الْعَتِيقِ

"Barangsiapa membaca surat al-Kahfi pada malam Jum'at, maka dipancarkan cahaya untuknya sejauh antara dirinya dia dan Baitul 'atiq." -Sunan Ad-Darimi: 3273-

## Doa mendapat jalan yang benar

وَقُل رَّبِّ أَدْخِلْنِي مُدْخَلَ صِدْقٍ وَأَخْرِجْنِي مُخْرَجَ صِدْقٍ وَاجْعَل لِّي مِن لَّدُنكَ سُلْطَانًا نَّصِيرًا

Dan katakanlah (Muhammad), ya Tuhanku, masukkan aku ke tempat masuk yang benar dan keluarkan (pula) aku ke tempat keluar yang benar dan berikanlah kepadaku dari sisi-Mu kekuasaan yang dapat menolong(ku)." (Al-Isra':80)

## Doa mohon bimbingan Allah

رَبَّنَا آتِنَا مِن لَّدُنكَ رَحْمَةً وَهَيِّئْ لَنَا مِنْ أَمْرِنَا رَشَدًا

"Ya Tuhan kami. Berikanlah rahmat kepada kami dari sisi-Mu dan sempurnakanlah petunjuk yang lurus bagi kami dalam urusan kami." (Al-Kahfi:10)

THORIQXI BERPUASA

"PERKASA DAKWAH, SANTUNI UMMAH, DEMI MENGGGAPAI JANNAH"

# JUZU 16

## Jenis surah

Surah Al - Kahfi (Makiyyah)
Surah Maryam (Makiyyah)
Surah Taha (Makiyyah)

## Intipati Juzu 16

**Surah Al-Kahfi (ayat 75- ayat 110)**

1. Baki surah al-Kahfi ini mengandungi pelbagai kisah yang menarik serta **memberikan 1001 pengajaran** buat umat. Sebagai contoh kisah Nabi Musa & Nabi Khidir serta kisah panglima hebat, Zulkarnain.
2. **Kisah Nabi Musa & Nabi Khidir** mengajarkan kepada kita bahawa pelbagai perkara aneh dalam kehidupan ini boleh dipelajari melalui kesabaran yang panjang dan ilmu yang benar. Inilah pengajaran yg diperolehi oleh Nabi Musa walaupun Baginda merasa sangat susah untuk menerimanya.

**Surah Maryam (ayat 1- ayat 98)**

1. Mengisahkan tentang **Saidatina Maryam**, di mana beliau merupakan wanita yang paling bertakwa & beliau merupakan ibu kepada Nabi Isa AS.
2. Tema yang paling utama adalah berkisarkan tentang **tauhid (pengesaan kepada Allah SWT)**, ia boleh diterokai melalui pelbagai ayat yg menceritakan tentang rahmat Tuhan kepada semua para nabi.

**Surah Taha (ayat 1- ayat 135)**

1. Menceritakan tentang episod penurunan wahyu kepada para nabi terutamanya Nabi Musa, **gerak kerja baginda** serta tugas yang perlu disampaikan kepada sekalian umat.
2. Allah **menjanjikan dalam al-Quran** tentang bagaimana Allah membantu & menyokong dakwah para Nabi.

## Kisah Istimewa dalam Surah Maryam

Kisah ajaib tentang Nabi Zakariya as mendapat anak, iaitu Nabi Yahya as pada usia yang sudah lanjut.

Kelahiran Nabi Isa as melalui rahim Maryam binti Imran tanpa seorang bapa.

Kisah Nabi Ibrahim as dengan ayahnya.

## Doa Menuntut Ilmu

وَقُلْ رَّبِّ زِدْنِيْ عِلْمًا

dan katakanlah, "Ya Tuhanku, tambahkanlah ilmu kepadaku."
(Taha : 114)

THORIQXI BERPUASA

"PERKASA DAKWAH, SANTUNI UMMAH, DEMI MENGGGAPAI JANNAH"

# JUZU 17

## Jenis surah

Surah al-Anbiya' (Makiyyah)
Surah al-Hajj (Madaniyyah)

## Intipati Juzu 17

**Surah al-Anbiya'**

1. Membincangkan tentang isu kepercayaan terhadap 3 perkara iaitu
   - tauhid (pengesaan kepada Allah)
   - wahyu Allah
   - Hari Pembalasan
2. Menceritakan tentang kisah Nabi Ibrahim memecahkan patung berhala sebagai pengajaran yg besar tentang sifat tawakal.
3. Surah ini diakhiri dengan mengingatkan kita tentang Hari Kiamat.

**Surah al-Hajj**

1. Allah banyak menekankan tentang tauhid, Hari Pembalasan, menolak kefahaman orang yang tidak mempercayai wujudnya Tuhan, dan menceritakan tentang tanda ciptaan Allah yang Maha Esa.
2. Surah ini memberikan peringatan supaya tidak mengikuti jejak langkah syaitan.
3. Surah ini diakhiri dengan panggilan seruan jihad, dan mengingatkan kita supaya sentiasa bergantung kepada Allah.

## Doa ketika berada dalam kesulitan

**(Surah al-Anbiya': 87)**

لَّآ اِلٰهَ اِلَّآ اَنْتَ سُبْحٰنَكَ اِنِّيْ كُنْتُ مِنَ الظّٰلِمِيْنَ

"Tidak ada tuhan selain Engkau, Mahasuci Engkau. Sungguh, aku termasuk orang-orang yang zalim."

## Doa mohon jodoh dan keturunan yang baik

**(Surah al-Anbiya: 89)**

رَبِّ لَا تَذَرْنِي فَرْدًا وَأَنتَ خَيْرُ الْوَارِثِينَ

"Wahai Tuhanku! Janganlah Engkau biarkan daku seorang diri (dengan tidak meninggalkan zuriat); dan Engkaulah jua sebaik-baik yang mewarisi"

THORIQXI BERPUASA

"PERKASA DAKWAH, SANTUNI UMMAH, DEMI MENGGGAPAI JANNAH"

# JUZU 18

## Jenis surah

Surah Al-Mu'minun (Makiyyah)
Surah An-Nur (Madaniyyah)
Surah Al-Furqan (Makiyyah)

## Intipati Juzu 18

### Surah al-Mukminun

1. Dinamakan al-Mukminun kerana didalamnya dinyatakan sifat2 org beriman & ganjaran yang menanti mereka apabila mereka beramal dengan sifat tersebut.

| Awal surah | Akhir surah |
|---|---|
| Mengenai mereka yang berjaya *(orang yang beriman)* | Mengenai mereka yang tidak berjaya *(orang yang tidak beriman)* |

2. Tema: **Perbezaan** antara ciri2 orang yang beriman & kesudahan bagi orang yang kafir

### Surah An-Nur

1. Dinamakan an-Nur kerana menyebut tentang cahaya Ilahi (wahyu Allah Quran dan As-Sunnah)
2. Banyak berkisar tentang nilai, pergaulan & akhlak.
3. Terdapat kisah kesucian Saidatina Aisyah RA.
4. Menjaga kemaluan dgn cara: Jaga mata, telinga, mulut, tangan & hati.
5. 3 kewajiban apabila tersebarnya keburukan
   - Bersangka baik
   - Dapatkan bukti
   - Tidak tergesa-gesa
6. Menerangkan cara untuk melindungi masyarakat daripada melakukan perkara yg buruk.
   - Tidak mudah menyebarkan perkara yg buruk.
   - Tidak mengikuti jejak langkah syaitan.
   - Perbaiki solat dan mengimarahkan rumah Allah SWT.

### Surah Al-Furqan

1. Tema: Al-Quran sebagai pemisah antara yg haq & batil

| | |
|---|---|
| Bermula dengan cerita orang musyrikin | Ditutup dengan kisah org yang bertaqwa. |

## Pengajaran dari Juz 18

Berdasarkan surah al mukminun, berikut merupakan 7 ciri orang beriman yang berjaya.

| | |
|---|---|
| Meninggalkan perkara lagha | Khusyuk di dalam solat |
| Menunaikan zakat (tazkiatun nafs) | Menjaga amanah |
| Menjaga kemaluan dari perkara haram | Memenuhi janji |
| | Menjaga solat |

Ciri-ciri ini **dimulai dengan 'solat'** dan **diakhiri dengan 'solat'** juga. Ini memberi isyarat yang kalau kita menjaga solat kita dengan penuh khusyu' dan khudu' (penuh tertib), **sifat-sifat yang lain itu juga akan datang secara berturutan**. Janji Allah, apabila kita menjaga solat, in sha Allah solat itu sendiri akan mencegah kita daripada perkara keji dan mungkar.

## Doa Memohon ampun dan dikasihani

**Surah Al-Mu'minun, 23:109**

رَبَّنَآ ءَامَنَّا فَاغْفِرْ لَنَا وَارْحَمْنَا وَأَنتَ خَيْرُ الرَّاحِمِينَ

"Wahai Tuhan kami, kami telah beriman; oleh itu ampunkanlah dosa kami serta berilah rahmat kepada kami, dan sememangnya Engkaulah jua sebaik-baik Pemberi rahmat".

THORIQXI BERPUASA

"PERKASA DAKWAH, SANTUNI UMMAH, DEMI MENGGGAPAI JANNAH"

# JUZU 19

## Jenis surah

Surah Al Furqan (Makkiyyah)
Surah As Syua'raa'(Makkiyyah)
Surah An Namlu (Makkiyyah)

## Intipati Juzu 19

### As Syua'ra'

1. **Ayat 224 - 227:** Dinamakan As Syu'araa' (Para Penyair) kerana sifat - sifat mereka.

2. Mempunyai banyak kisah Rasul terdahulu
   - **Ayat 10-69:** Nabi Musa as berdepan melawan firaun dan para penyihir
   - **Ayat 69-105:** Nabi Ibrahim as berbicara mengenai Tuhan yg sebenar iaitu Allah swt kepada kaumnya yg menyembah berhala.
   - **Ayat 105-122:** Nabi Nuh mengajak kaumnya bertaqwa kepada Allah namun baginda diancam untuk direjam, kemudiannya Allah mendatangkan banjir yang menenggelamkan golongan kafir.
   - **Ayat 124-140:** Nabi Hud menyeru kaumya, kaum Aad agar mengingati Allah & bersyukur kepada Allah atas nikmat & kekuatan yang diberikan kepada mereka.
   - **Ayat 141-159:** Nabi Soleh ketika diberi seekor unta betina & diamanahkan kepada kaumnya Thamud, namun unta tersebut malah dibunuh. Maka datanglah azab Allah kepada mereka.
   - **Ayat 160 -175:** Nabi Lut menegur kaumnya yg mengamalkan hubungan sejenis namun baginda diancam utk diusir. Kemudian datanglah azab Allah kepada mereka yg tidak mahu beriman.
   - **Ayat 176-190:** Nabi Syuaib yang menegur penduduk Aikah (berhampiran Madyan) agar jujur dan jangan mengurangi hak orang lain. Namun mereka menuduh baginda hanyalah orang yang terkena sihir. Akhirnya mereka diazab saat mereka ditutupi awan mendung dan dihujani dengan api.

### An Namlu

1. **Ayat 18-19:** Dinamakan An Namlu kerana disebutkan kisah mereka (semut) & Nabi Sulaiman.
2. Menceritakan kisah Nabi Daud dan Nabi Sulaiman yg dikurniakan ilmu agama & pentadbiran kerajaan.
3. Angkatan tentera Nabi Sulaiman terdiri daripada kaum manusia, jin dan haiwan.
4. Kisah tentang kerasulan Nabi Muhammad dan Al Quran yg menjadi sebesar2 mukjizat
5. Surah ini diakhiri dengan suruhan menyembah Allah Yang Menguasai segala-galanya & sentiasa membaca Al Quran

## Doa supaya tergolong dalam orang beriman

رَبِّ هَبْ لِي حُكْمًا وَأَلْحِقْنِي بِالصَّالِحِينَ ٨٣ وَاجْعَل لِّي لِسَانَ
صِدْقٍ فِي الْآخِرِينَ ٨٤ وَاجْعَلْنِي مِن وَرَثَةِ جَنَّةِ النَّعِيمِ ٨٥

(Ibrahim berdoa), "Ya Tuhanku, berikanlah kepadaku hikmah dan masukkanlah aku ke dalam golongan orang-orang yang saleh, dan jadikanlah aku buah tutur yang baik bagi orang-orang (yang datang) kemudian, dan jadikanlah aku termasuk orang-orang yang memusakai surga yang penuh kenikmatan. (assyuara' 83-85)

## Doa Syifa' ( Penyembuh )

وَإِذَا مَرِضْتُ فَهُوَ يَشْفِينِ

dan apabila aku sakit, Dialah (Allah ) yang menyembuhkan aku. (assyu'ara':80)

THORIQXI BERPUASA

"PERKASA DAKWAH, SANTUNI UMMAH, DEMI MENGGGAPAI JANNAH"

# JUZU 20

## Senarai surah

Surah Al-Naml (makiyyah)(56-93)
Surah Al-Qasas (makiyyah)(1-88)
Surah Al-Ankabut (makiyyah)(1-45)

## Intipati Juzu 20

### An Namlu

1. Bermula dengan ayat tentang penolakan kaum Nabi Lut terhadap dakwah baginda kerana Nabi Lut menghalang mereka daripada melakukan homoseksual. Tindakan ini menunjukkan amalan mereka adalah keji & akhirnya menyebabkan mereka ditimpa azab Allah.

2. Diakhiri dengan peristiwa2 yang akan berlaku pada hari kiamat, jika direnungi akan menggentarkan jiwa2 mereka yang beriman dengannya.

**Antara pengajaran**

Seseorang yang sentiasa berada dalam kemaksiatan akan tiba satu saat yg dia tidak merasa perbuatan itu satu maksiat.

### Al Qasas

1. Dinamakan Al-Qasas (kisah-kisah) kerana kisah Nabi Musa & kisah Qarun telah merangkumi sebahagian besar ayat2 dalam surah ini.

2. **Ayat 4:** Cara Firaun mengukuhkan kuasanya & membuat orang patuh padanya : Jadikan mereka berpecah-belah & berpuak-puak.

3. **Ayat 5:** Khabar gembira daripada Allah SWT untuk membantu golongan2 yg lemah & tertindas di muka bumi (kisah Nabi Musa & firaun).

4. **Ayat 7:** Bermula dengan janji Allah kepada ibu Nabi Musa bahawa Nabi Musa akan pulang semula ke pangkuan beliau sebagai seorang rasul yang berjaya & diakhiri dengan janji Allah kepada Nabi Muhammad.

5. **Ayat 16-17:** Kisah Nabi Musa membunuh seorang lelaki qibti dengan tidak sengaja kemudian baginda mengakui kesilapan tersebut & mohon keampunan kepada Allah. Ini menunjukkan sifat mulia para nabi: Sentiasa bertaubat kepada Allah, mengiktiraf kebenaran & kesalahan

6. **Ayat 76 – 84:** Kisah Qarun seorang pemilik harta & kuasa yang melupai pemberi nikmat iaitu Allah SWT. Apabila dingatkan tentang kebenaran, dia memilih untuk mengingkari & menentangnya serta mengingkari nikmat2 Allah ke atasnya. Maka dia telah dibinasakan oleh Allah SWT.

**Antara pengajaran**

Isyarat tentang peranan wanita dalam berkhidmat dalam Islam : melalui ibu dan kakak Nabi Musa & 2 wanita yang dibantu oleh Nabi Musa di Madyan.

Janji Allah SWT untuk membantu golongan yang lemah terzahir : Kisah kelahiran Nabi Musa, dibesarkan di istana firaun, menjadi rasul kepada mereka dan bani israel.

## Doa Nabi Musa

رَبِّ إِنِّي لِمَا أَنزَلْتَ إِلَيَّ مِنْ خَيْرٍ فَقِيرٌ

Ya Tuhanku sesungguhnya aku sangat memerlukan sesuatu kebaikan yang Engkau turunkan kepadaku".

(Doa dipermudahkan jodoh)

THORIQXI BERPUASA

"PERKASA DAKWAH, SANTUNI UMMAH, DEMI MENGGGAPAI JANNAH"

# JUZU 21

## Senarai surah

Surah Al A'nkabut(Makkiyyah)
Surah Ar Rum(Makiyyah)
Surah Luqman(Makiyyah)
Surah As-Sajdah(Makiyyah)
Surah Al-Ahzab(Madaniyyah)

## Intipati Juzu 21

### Al Ankabut

1. Awal juzu (ayat 46): Panduan kepada orang Islam untuk tidak berdebat dengan Ahli Kitab & mana2 orang yang berbeza pandangan dengannya melainkan dengan cara yang terbaik.
2. Allah jualah yang mengurus rezeki hamba-Nya yakni yang Maha melapangkan dan menyempitkan rezeki.
3. Ayat 64: Allah mengingatkan kita bahawa dunia ini tidak lain hanyalah senda gurau & permainan.
   Hendaklah kita bersungguh2 mengejar akhirat yang kekal abadi.
4. Peringatan untuk berani & berkorban menegakkan agama Allah adalah kepada seluruh umat Islam.

### Ar Rum

1. Mengandungi mukjizat Al-Quran iaitu pengetahuan Allah SWT mengenai masa depan (kemenangan Rom ke atas Parsi 8 tahun setelah penurunan surah ini)
2. Adanya bukti2 kekuasaan Allah SWT yakni penceritaan penciptaan manusia serta penciptaan langit & bumi

### Luqman

1. Wasiat Luqman kepada anaknya yang merangkumi beberapa aspek (akidah, ibadah, hidup bermasyarakat)
2. Adanya perintah utk mentaati kedua ibu bapa
3. Ilmu Allah tidak terbatas & tidak terfikirkan oleh umat manusia.

### As Sajdah

1. Terdapat ayat tentang penciptaan manusia
2. Terdapat banyak hadis tentang surah ini & menjadi sunnah rasulullah SAW untuk membacanya pada pagi hari jumaat
3. Penceritaan tentang golongan yang menyesal (akhirat) kerana tidak mentaati perintah Allah ketika di dunia.

### Al Ahzab

1. Diturunkan selepas perang Al Ahzab
2. Antara isu yang dipaparkan; Kedudukan anak angkat (Allah SWT mengharamkan anak angkat dinasab kepada bapa angkat)
3. Pertolongan Allah SWT kepada kaum muslimin ketika Perang Ahzab

## Ayat Pilihan

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن
كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

Sungguh, telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (yaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari Kiamat dan yang banyak mengingat Allah. (Al-Ahzab:21)

THORIQXI BERPUASA

"PERKASA DAKWAH, SANTUNI UMMAH, DEMI MENGGGAPAI JANNAH"

# JUZU 22

## Jenis surah

Surah al-Ahzab ( Madaniyyah)
Surah Saba' (Makiyyah)
Surah Fathir ( Makiyyah)
Surah yaasin ( Makiyyah)

## Intipati Juzu 22

### Surah Al Ahzab

1. **Ayat 22 dan 23:** Larangan wanita melembutkan suara semasa berbicara & tidak berlebih-lebihan dalam berhias dan mempamerkan kecantikan.
2. **Ayat 49:** Wanita yang diceraikan sebelum dicampuri, tidak ada 'iddah & harus diberi mut'ah.
3. **Ayat 53:** Larangan memasuki rumah Rasulullah SAW tanpa izin & larangan menikahi para Ummul Mukminin kerana mereka adalah isteri2 Rasulullah.
4. **Ayat 56:** Allah dan para malaikat berselawat ke atas Rasulullah SAW & perintah kepada orang2 mukmin untuk berselawat ke atas baginda.
5. **Ayat 59:** Kewajiban wanita menutup aurat ketika berada di luar rumah.
6. **Ayat 63-68:** Hanya Allah sahaja mengetahui tentang ilmu hari kebangkitan.

### Surah Saba'

1. Gambaran & adegan di akhirat yang mana orang2 kafir sedang berhujah sesama mereka tentang hari kebangkitan yang hanya sia-sia.
2. Nikmat Allah yang diberikan kepada Nabi Daud & Nabi Sulaiman serta keingkaran kaum Saba' terhadap nikmat Allah serta akibat ke atas mereka.

### Surah Yaasin

1. Dimulai dengan perbincangan tentang al quran & panggilan nabi kepada orang musyrik.

### Surah al-Fathir

1. **Ayat 9-13:** Banyak nama2 indah & sifat2 Allah.
   Maha Kuasa, Maha Besar dan Maha HikmahNya. Dia yg Maha Mengetahui & Maha Melihat segala sesuatu.
2. Allah tidak memerlukan makhluk,tetapi makhluk yang sangat memerlukan Allah.
3. Kekuasaan ciptaan Allah
   - 2 laut yang terpisah
   - kejadian manusia
   - kejadian siang & malam
   - pergerakan awan

## Pegajaran Juzu 22

قُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا

"..katakanlah perkataan yang tepat - benar.."

Kita dituntut untuk sentiasa jujur dalam percakapan & menjauhi percakapan yg boleh menimbulkan salah faham/pergaduhan.

## Doa Pendinding Diri

وَجَعَلْنَا مِنْ بَيْنِ أَيْدِيهِمْ سَدًّا وَمِنْ خَلْفِهِمْ سَدًّا
فَأَغْشَيْنَاهُمْ فَهُمْ لَا يُبْصِرُونَ

" Dan Kami adakan di hadapan mereka dinding dan di belakang mereka dinding (pula), dan Kami tutup (mata) mereka sehingga mereka tidak dapat melihat" (yaasin: 9)

THORIQXI BERPUASA

"PERKASA DAKWAH, SANTUNI UMMAH, DEMI MENGGGAPAI JANNAH"

# JUZU 23

## Jenis surah

Surah Yasin (Makiyyah)
Surah As-Saffat (Makiyyah)
Surah Sad (Makiyyah)
Surah Az-Zumar (Makiyyah)

## Intipati Juzu 23

### Surah Yasin

1. Penegasan tentang hukuman yg dijatuhkan kepada kaum2 terdahulu sebagai pengajaran kepada kita.
2. Hari Kebangkitan sebagai peringatan & amaran kepada kita semua bahawa dunia ini hanya bersifat sementara & akhirat adalah yang kekal abadi.
3. Pada Hari Akhirat, mulut kita akan ditutup & anggota badan kita yang lain akan menjadi saksi kepada setiap perbuatan kita di dunia ini.

### Surah As-Saffat

1. Antara surah yg terdiri daripada ayat2 yang pendek dimulai dengan ayat2 sumpah.
2. Kisah bagaimana Allah menjawab mereka yang tidak percaya kepada Hari Kiamat.
3. Akhir surah: Deklarasi bahawa kuasa, rahmat serta kemuliaan Allah SWT adalah tanpa had.

### Surah Sad

1. Menceritakan kisah2 Nabi terdahulu seperti kisah Nabi Daud, Nabi Sulaiman, Nabi Ayyub serta beberapa orang lagi Nabi yg terpilih.
2. Allah bersumpah dgn al-Quran sebagai sebuah kitab yg agung serta sesiapa yg berpegang dengannya akan mendapat kebahagiaan di dunia & akhirat.
3. Terdapat dalil2 berkenaan kenabian Nabi Muhammad.
4. Akhir surah: Allah menerangkan bahawa al-Quran adalah peringatan bagi semesta alam.

### Surah Az-Zumar

1. Awal surah: Menerangkan bahawa al-Quran turun daripada Allah SWT.
2. Ia sambungan Surah Sad tentang penciptaan Nabi Adam (manusia pertama) yg diciptakan & akhirnya, semua manusia akan mati seterusnya dibangkitkan kembali serta dihisab.
3. Menerangkan tentang cara untuk mempraktikkan 'tauhid'.

   bagaimana Allah seharusnya disembah sebagai Rabb yang Maha Esa & tiada yang berhak disembah melainkan-Nya.
4. Menceritakan tentang nasib bagi mereka yang beriman & yang ingkar.
5. Merupakan penjelasan kepada ayat إِيَّاكَ نَعْبُدُ dalam surah Al-Fatihah.

## Doa

**Doa Nabi Ibrahim: Dapat anak yang soleh**

رَبِّ هَبْ لِيْ مِنَ الصّٰلِحِيْنَ

Wahai Tuhanku! Kurniakanlah kepadaku anak yang terhitung dari orang-orang yang soleh! (As-Saffat:100)

**Doa memohon kebaikan dunia & akhirat**

سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ . وَسَلَامٌ عَلَى الْمُرْسَلِينَ . وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Maha Suci Tuhanmu Yang mempunyai keperkasaan dari apa yang mereka katakan.Dan kesejahteraan dilimpahkan atas para rasul.Dan segala puji bagi Allah Tuhan seru sekalian alam. (As-Saffat:180-182)

THORIQXI BERPUASA

"PERKASA DAKWAH, SANTUNI UMMAH, DEMI MENGGGAPAI JANNAH"

# JUZU 24

## Jenis surah

Surah Az-Zumar (Makiyyah)
Surah Ghafir (Makiyyah)
Surah Fussilat (Makiyyah)

## Intipati Juzu 24

### Surah Az-Zumar

1. Awal surah: Tentang sifat2 Allah & bukti kekuasaanNya.
2. Berkisarkan prinsip ketauhidan
3. Akhir surah: Gambaran balasan kepada yang beriman & kafir.
4. Terdapat juga pengajaran lain yang Allah nak tunjuk kepada kita semua iaitu

   **Ayat 3:** Jangan mensyirikkan Allah.
   **Ayat 8:** Sifat manusia yg hanya mencari Allah ketika susah.
   **Ayat 9:** Galakan qiamullail kepada seluruh umat Islam.
   **Ayat 18:** Sifat orang yang mendapat hidayah Allah.

### Surah Ghafir

1. **Ayat 3:** Surah Ghafir (Yang Mengampun) yang turun selepas kematian Abi Talib. Dinamakan Ghafir kerana menyebutkan tentang sifat Allah, Ghaafirudz dzunuub.
2. **Ayat 28:** Juga dinamakan sebagai Surah Mu'min kerana adanya kisah seorang lelaki mu'min dari keluarga Firaun.
3. Galakan mengkaji sejarah utk membuka minda & hati manusia.
4. Akhir surah: Mengajar manusia untuk menyesal sekiranya tidak bertaubat & bertaubatlah dengan segera walaupun tidak sepenuhnya taubat.

### Surah Fussilat

1. Nama surah - diambil dari ayat 3: Bahasa arab sebagai bahasa Al-Quran untuk menjelaskan ilmuNya.
2. **Ayat 19-20:** Orang yang menolak agama Allah & memaparkan balasan yg diterima oleh mereka yg kafir didunia (kisah kaum Aad & Tsamud) & akhirat.
3. Allah SWT menyeru manusia:
   - Untuk menyampaikan dakwah dari hati.
   - Berhati-hati dengan syaitan.
   - Percaya dengan ketegasan kebenaran Al-Quran.

## Pengajaran Juzu 24

1. Kita mesti berusaha untuk berdakwah walaupun kita rasa belum sempurna, kurang ilmu & dll.
2. Kita mesti berusaha untuk menjaga amal soleh & mengikuti program agama.
3. Kita mesti berbangga dgn Islam, tanpa perlu ikut acuan Yahudi Zionis, Barat & sekutunya.
4. Kita mesti menguasai akhlak Islam seperti mana yang dibawa & dilakukan Rasulullah ﷺ.
5. Mestilah rajin berdoa sungguh2, khususnya pada ahli keluarga, kawan2, orang yg kita nak dakwahkan itu. Kerana, Allah lah yang memberi hidayah, kita hanya perlu berusaha.

## Doa hilangkan kesedihan & menyelesaikan masalah

وَأُفَوِّضُ أَمرِي إِلَى اللَّهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ بَصِيرٌ بِالعِبادِ

dan aku sentiasa menyerahkan urusanku bulat-bulat kepada Allah (untuk memeliharaku); sesungguhnya Allah Maha Melihat akan keadaan hamba-hambaNya".
(Ghafir : 44)

THORIQXI BERPUASA

"PERKASA DAKWAH, SANTUNI UMMAH, DEMI MENGGGAPAI JANNAH"

# JUZU 25

## Senarai surah

- Surah Fussilat
- Surah As Syura
- Surah Az Zukhruf
- Surah Ad Dukhan
- Surah Al Jathiyah

**Semua Makkiyyah**

## Intipati Juzu 25

### As Syura'

1. Dinamakan As Syura (Musyawarah) bersempena Bai'ah Al Aqabah yg berlaku (tahun ke-9 kenabian).
2. Terdapat kesemua nama 5 orang rasul ulul azmi.
3. Tema: Kesatuan ummat boleh dicapai melalui syura

### Az Zukhruf

1. Dinamakan Az Zukhruf (Perhiasan) bersempena **ayat 35;** Allah memfakirkan orang yang kufur supaya mereka kembali kepada Allah
2. Menceritakan tentang keimanan kepada Allah yang merupakan pencipta (disebutkan di awal surah) & pemilik alam semesta (diceritakan di akhir surah)
3. Tema: Peringatan kepada manusia mengenai fitnah dunia & perhiasan yang ada di dalamnya
4. **Ayat 67:** Allah merakamkan perbezaan antara cinta dunia dengan cinta kepada Allah.

| **Cinta dunia** berakhir apabila matinya orang yang mencintai | **Cinta kepada Allah** kekal abadi |
|---|---|

### Ad Dukhan

1. Dinamakan Ad Dukhan (Asap) kerana **ayat 10;** Dinyatakan tentang dukhan yang kemarau & kebuluran.
2. Mula & Akhir: Tentang Al Quran sebagai peringatan.
3. **Turun** selepas peristiwa kemarau dahsyat di Makkah yang terjadi seperti yang didoakan oleh Rasulullah ﷺ agar ia boleh menyebabkan Quraisy percaya bahawa baginda adalah Nabi utusan Allah.
4. Dan juga supaya mereka berasa gerun lalu kembali kepada Allah.
5. Tema: Peringatan kepada manusia supaya tidak tertipu dengan kuasa yang ada

### Al Jathiyah

1. Dinamakan Al Jathiyah (yang melutut) kerana **ayat 28;** Pada hari akhirat, kesemua manusia akan melutut dihadapan Allah.
2. Akibat buruk yg akan menimpa orang yg menolak keterangan di dalam Al Quran.
3. Tema: Peringatan kepada manusia supaya tidak takabbur, bongkak, meninggi diri apabila mempunyai kedudukan & tidak mengikut hawa nafsu
4. **Ayat 15:** Setiap balasan akan diberikan mengikut amalan yg dilakukan.

## Doa

### Doa melembutkan hati

اللَّهُ لَطِيفٌ بِعِبَادِهِ يَرْزُقُ مَنْ يَشَاءُ وَهُوَ الْقَوِيُّ الْعَزِيزُ ١٩

"Allah Maha Lembut terhadap hamba-hamba-Nya; Dia memberi rezeki kepada siapa yang Dia kehendaki dan Dia Maha Kuat, Maha Perkasa(19)" Surah As-Syura

### Doa naik kenderaan

سُبْحَانَ الَّذِي سَخَّرَ لَنَا هَٰذَا وَمَا كُنَّا لَهُ مُقْرِنِينَ ١٣
وَإِنَّا إِلَىٰ رَبِّنَا لَمُنْقَلِبُونَ ١٤

"Maha Suci Tuhan yang telah memudahkan kenderaan ini untuk kami, sedang kami sebelum itu tidak terdaya menguasainya (13) Dan sesungguhnya kepada Tuhan kamilah, kami akan kembali! (14)" Surah Az-zukhruf

# JUZU 26

**Jenis surah**

| | |
|---|---|
| Surah Al-Ahqaf (makiyyah) | Surah Al-hujurat (madaniyyah) |
| Surah Muhammad (madaniyyah) | Surah Qaf (makiyyah) |
| Surah Al-fath (madaniyyah) | Surah Al-Zariyat (makiyyah) |

## Intipati Juzu 26

### Surah Al-Ahqaf

1. Tema surah: Pengurniaan hidayah oleh Allah SWT buat mereka yang menginginkannya
2. Awal surah: Diingatkan kepada manusia agar memerhatikan penciptaan langit & bumi yang mana dengan memperhatikannya mereka akan dapat sampai kepada hakikat kebenaran.
3. Memperincikan beberapa contoh manusia yang menyahut seruan Allah & mereka yang berpaling daripada seruanNya.
4. Golongan yang menyahut seruan & perintah Allah dalam surah ini ialah;
   - **Ayat 10:** Abdullah bin Salam menerima dakwah Nabi Muhammad & meninggalkan agama Yahudi.
   - Terdapat sekumpulan jin yang telah mendengar Al-Quran kemudian beriman dengannya & menyeru kaum mereka untuk untuk turut sama sama beriman.

### Surah Muhammad

1. Selain dalam surah Muhammad, nama baginda disebutkan pada 3 surah lain lagi iaitu pada surah Ali-Imran (ayat 144), surah Al-Ahzab (ayat 44) & surah Al-Fath (ayat 29).
2. Juga dinamakan surah Al-Qital (peperangan) kerana terdapat hukum hakam yang berkaitan dengan peperangan & suruhan untuk melaksanakannya.

### Surah Al-Fath

1. Dinamakan surah Al-Fath (pembukaan) kerana Allah menyebutkan kurniaan & pembukaan nikmat yang amat banyak kepada baginda & sahabat2 baginda.
2. Mula dengan menyebutkan tentang perkhabaran gembira daripada Allah kepada orang2 yang beriman iaitu mereka akan dimasukkan ke dalam syurga (ayat 5)

   DAN

   Diakhiri dengan berita gembira bahawa dosa2 & kesalahan mereka akan diampunkan oleh Allah & akan dimasukkan ke dalam syurga (ayat 29).

   Kedua-dua ini merupakan sebesar-besar pembukaan & kurniaan buat mereka.

## Ayat Pilihan

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا
اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

sesungguhnya orang-orang mukmin itu bersaudara, karena itu damaikanlah antara kedua saudaramu (yang berselisih) dan bertakwalah kepada Allah agar kamu mendapat rahmat.
(Surah Al-Hujurat:10)

THORIQXI BERPUASA

"PERKASA DAKWAH, SANTUNI UMMAH, DEMI MENGGGAPAI JANNAH"

# JUZU 27

## Senarai surah

Surah Az Zaariyat
Surah At Tur
Surah An Najm
Surah Al Qamar
مكية

**Surah Ar Rahman** (Madaniyyah)
**Surah Al Waqiah** (Makkiyyah)
**Surah Al Hadid** (Madaniyyah)

## Intipati Juzu 27

### Az Zaariyatt

1. Penceritaan sirah nabi-nabi terdahulu
   ( Nabi Ibrahim, Nabi Luth, Nabi Musa & Nabi Nuh).

### At Tur

1. Allah bersumpah dengan Gunung Tursina (tempat munajat Nabi Musa & tempat penurunan Kitab Taurat.
2. Menyebut tentang hari kiamat.
   balasan kepada mereka yang tidak beriman.
3. Merakamkan balasan Syurga yang penuh kenikmatan kepada mereka yang beriman & bertakwa.

### An Najm

1. Perihal Nabi Muhammad yang maksum (terpelihara daripada dosa & lisannya sentiasa terjaga).
2. Memaparkan peristiwa israk & mikraj
3. Allah SWT menempelak mereka yang menyembah tuhan selain Allah berupa berhala (latta,uzza,manat)

### Al Qamar

1. Tentang mukjizat Nabi Muhammad SAW yg membelah bulan & menjadi tanda kepada hampirnya kiamat.
2. Kisah-kisah kaum terdahulu (Nuh, 'Aad, Thamud, Luth) yang mendustakan kebenaran.

### Ar Rahman

1. Pengulangan ayat yang sama sebanyak 31x
2. Allah merakamkan tentang nikmat2 kurniaan-Nya kepada hambanya & seringkali hambanya tidak bersyukur malah mendustakannya.
3. Tentang keadaan syurga (46-78) & tingkatan syurga itu berlainan mengikut darjat orang mukmin tersebut.

### Al Waqiah

1. Merupakan salah satu nama Hari Kiamat.
2. Banyak hadis tentang Surah Al Waqiah:

> Antara kelebihan membaca surah al-Waqiah seperti yang diceritakan oleh Ibnu Mas'ud RA:
>
> مَنْ قَرَأَ سُورَةَ الْوَاقِعَةِ فِي كُلِّ لَيْلَةٍ لَمْ تُصِبْهُ فَاقَةٌ أَبَدًا
>
> Barangsiapa yg membaca surah al-Waqiah pada setiap malam, maka ia tidak akan ditimpa musibah kefakiran selama-lamanya

3. Keadaan Hari Kiamat yang sungguh dahsyat

### Al Hadid

1. Bermula dengan tasbih kepada Allah SWT
2. Segala apa yang berada di langit & dibumi merupakan hak Allah & Dialah yang berkuasa atas segala sesuatu.
3. Gambaran dunia hanyalah tempat permainan & jangan leka dengannya.

## Ayat Pilihan

مَنْ ذَا الَّذِيْ يُقْرِضُ اللّٰهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضٰعِفَهٗ
لَهٗ وَلَهٗٓ اَجْرٌ كَرِيْمٌ

Barangsiapa meminjamkan kepada Allah dengan pinjaman yang baik, maka Allah akan mengembalikannya berlipat ganda untuknya, dan baginya pahala yang mulia, (Al-Hadid:11)

THORIQXI BERPUASA

"PERKASA DAKWAH, SANTUNI UMMAH, DEMI MENGGAPAI JANNAH"

# JUZU 28

## Senarai surah

Semua مدنيّة

- al-Mujadalah
- al-Hasyr
- al-Mumtahanah
- al-Saff
- al-Jumuah
- al-Munafiqun
- at-Taghabun
- at-Talaq
- at-Tahrim

## Intipati Juzu 28

1. Menjelaskan cabaran2 yang ditempuhi oleh umat Islam dalam memikul tanggungjawab antara diri sendiri, anak-anak, isteri-isteri & harta kekayaan yang kadang menjadi beban dan menghalang perjalanan mereka.
2. Membentangkan pertembungan yang panjang antara Islam & musuh-musuhnya. Mereka sentiasa merancang & menanti peluang untuk menghapuskan Islam.

   Antara musuh-musuh yang dijelaskan dalam juzu ini seperti kaum yahudi, golongan munafiq & kaum musyrikin.
3. Objektif umum yang menjadi intipati isi juzu ke-28 adalah berkaitan dengan isu yang amat sensitif.

   Iaitu intima' (pengabungan) hidup mati dengan Islam & at tabarru' (membebaskan) diri sepenuhnya dari kekufuran dan orang-orang kafir.
4. Merupakan diantara perkara asas dalam Islam, yang tidak dapat ditampung dengan solat & ibadat2 lain.
5. Para suami dinasihatkan supaya menjaga keluarga daripada api neraka.
6. Segala sesuatu adalah milik mutlak Allah & diberikan kepada manusia sebagai ujian semata mata.

## Pengajaran Juzu 28

1. Penekanan berkaitan:

   wala' - Beri sepenuh kepercayaan kepada Allah.

   bara' - Berlepas diri daripada perkara selain Allah.
2. Amalan yang bermanfaat adalah segala amalan yang diniatkan kerana Allah.
3. Manusia harus sedar bahawa dunia hanyalah tempat persinggahan & akhiratlah negeri abadi.

## Doa

### Doa Tawakal Kepada Allah

رَبَّنَا عَلَيْكَ تَوَكَّلْنَا وَإِلَيْكَ أَنَبْنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ

Wahai Tuhan kami hanya kepadaMu kami bertawakkal dan hanya kepadaMu kami bertaubat dan hanya kepadaMu kami kembali. (Surah Al-Mumtahanah: 4)

### Doa Hindari Hasad Dengki

رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَلِإِخْوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلًّا لِلَّذِينَ آمَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ

Wahai Tuhan kami, ampunilah kami & saudara-saudara kami yang telah beriman lebih dulu dari kami, dan janganlah Engkau membiarkan kedengkian dalam hati kami terhadap orang-orang yang beriman; Wahai Rabb kami, Sesungguhnya Engkau Maha Penyantun lagi Maha Penyayang. (Surah Al-Hasyr: 10)

THORIQXI BERPUASA

"PERKASA DAKWAH, SANTUNI UMMAH, DEMI MENGGGAPAI JANNAH"

# JUZU 29

## Jumlah surah - 11

Al-Mulk, Al-Qalam, Al-Haqqah
Al-Ma'arij, Nuh, Al-Jin
Al-Muzammil,
Al-Muddaththir
Al-Qiyamah
مكيّة

Al-Insan
(Madaniyyah)
Al-Mursalat
(Makkiyyah)

## Intipati Juzu 29

1. **Al-Mulk** Hanya Allah yang mempunyai pemerintahan & kerajaan
2. **Al-Qalam** Dakwah untuk memartabatkan ketinggian akhlak
3. **Al-Haqqah** Hari Kiamat - Suatu perkara yg benar & tidak dapat dielakkan
4. **Al-Ma'arij** Tuntutan untuk mencapai ketinggian darjat iman
5. **Nuh** Komited dalam berdakwah
6. **Al-Jin** Jin & manusia adalah makhluk yg diberi tanggungjawab
7. **Al-Muzammil** Qiamullail - Sumber kekuatan bagi para pendakwah
8. **Al-Muddaththir** Kesungguhan dalam berdakwah
9. **Al-Qiyamah** Penceritaan tentang hari Kiamat
10. **Al-Insan** Potensi manusia untuk menjadi penghuni syurga
11. **Al-Mursalat** Peringatan daripada Allah kepada manusia

## Kelebihan membaca Surah Al-Mulk

1. Diampunkan dosa.
2. Penyelamat daripada azab kubur
3. Amalan Rasulullah SAW setiap malam sebelum tidur
4. Pembela kepada pembacanya di akhirat kelak
5. Digelar Surah Al-Mani'ah (penghalang) & Al-Munjiah (penyelamat)

Kerana surah ini **menghalang & menyelamatkan** orang yang selalu membaca/menghafalnya daripada siksa kubur & siksa api neraka.

## Kelebihan membaca Surah Al-Insan

1. Dapat menenangkan hati & menguatkan jiwa
2. Allah akan memasukkannya ke dalam Syurga Harir.

Syurga Harir – Ahli Syurga yang memakai pakaian yang diperbuat daripada **sutera**

## Ayat Pilihan

ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلْمَوْتَ وَٱلْحَيَوٰةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا ۚ
وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْغَفُورُ

Dia lah yang telah menciptakan kematian dan kehidupan untuk menguji siapakah di antara kamu yang paling baik amalannya, dan Dia Maha Perkasa dan Maha Pengampun. (Surah al-Mulk: 2)

THORIQXI BERPUASA

"PERKASA DAKWAH, SANTUNI UMMAH, DEMI MENGGGAPAI JANNAH"

# JUZU 30

**Jumlah surah - 37**

| Makkiyyah | Madaniyyah |
|---|---|
| An-Naba' - An-Nas | Surah Al-Bayyinah<br>Surah Al-Zalzalah<br>Surah An-Nasr |

## Intipati Juzu 30

1. Perkhabaran tentang bukti2 Allah & bukti hari kebangkitan
2. Manusia menjadi sangat sibuk di hari akhirat di mana terbongkarnya amalan yang telah dilakukan & apa yang telah mereka abaikan.
3. Peringatan tentang hak Allah (ibadah solat) & hak manusia (zakat,sedekah & kebajikan)
4. Kisah 3 kaum yang Allah musnahkan:
   Kaum Aad · Firaun · Thamud
5. Allah mengingatkan bahawa kehidupan akhirat lebih baik & kekal berbanding dunia
6. Ciri 2 golongan manusia di akhirat:
   - Golongan kanan (ashabul maimanah)
   - Golongan kiri (ashabul mash'amah)
7. Segala rahsia & isi hati akan dibuka pada hari akhirat
8. Segala amal yang dilakukan akan dihisab samada amal baik/buruk walaupun hanya sebesar zarah
9. Buku catatan amalan manusia:
   - Golongan Al-Fujjar (orang yang derhaka) terletak di Sijjin
   - Golongan Al-Abrar (orang yang taat) terletak di Illiyin
10. Penerima buku amalan dari sebelah kanan, hisabnya diringankan & sebaliknya
11. Kisah tentera gajah yang dibinasakan sebagai amaran Allah SWT kepada Quraisy

## Pengajaran Juzu 30

1. Nilai seseorang itu bukanlah terletak pada pangkat kebesaran & kekayaan, tetapi pada keimanan & keikhlasan
2. Penegasan tentang **kejayaan** orang yang mensucikan jiwanya & **kerugian** orang yang mengotori jiwanya.
3. Nikmat paling besar selepas nikmat iman
   - **Didunia** dilapangkan dada
   - **Diakhirat** dihapuskan dosa.
4. Sumber kemenangan adalah daripada Allah & kemenangan hakiki ialah apabila manusia masuk Islam secara berbondong-bondong.
5. 4 ciri penghuni neraka yang patut kita jauhkan:
   - Tidak memuliakan anak yatim
   - Tidak memberi makan kepada anak yatim
   - Memakan harta warisan secara batil
   - Sifat berlebihan mencintai harta

## Ayat Pilihan

وَالْعَصْرِ ۝ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ۝

"Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian "

Jangan biarkan masa itu membunuh kita. Masa ibarat pedang, kalau kita tak memotongnya, masa itu sendiri yang akan 'memotong' kita. Jadi gunakanlah masa kita dengan sebaiknya untuk **beramal ibadah** dan sentiasa **istiqamah di jalanNya**.

THORIQXI BERPUASA

"PERKASA DAKWAH, SANTUNI UMMAH, DEMI MENGGGAPAI JANNAH"